

KENYATAAN MEDIA

KEBENARAN UNTUK BEROPERASI KEPADA KONTRAKTOR DAN PEMBEKAL BAGI KERJA-KERJA PENYENGGARAAN JALAN & CERUN PERSEKUTUAN DI BAWAH SELIAAN KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)

KUALA LUMPUR - Kementerian Kerja Raya (KKR) merujuk kepada kelulusan diterima dari pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 5 Ogos 2021 yang telah bersetuju memberikan kebenaran beroperasi kepada syarikat kontraktor dan pembekal yang melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan jalan dan cerun di bawah seliaan KKR dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti berikut:-

- a) Hanya syarikat Konsesi atau Kontraktor Utama sahaja yang perlu mendapatkan kelulusan melalui Sistem COVID-19 *Intelligent Management System* (CIMS) 3.0 MITI;
- b) Sub kontraktor atau syarikat yang dilantik oleh Syarikat Konsesi atau Kontraktor Utama hanya perlu mendapatkan surat arahan kerja dari Syarikat Konsesi atau Kontraktor Utama yang melantik berserta surat kebenaran dari KKR; dan
- c) Kapasiti pekerja yang dibenarkan adalah seramai 60% pada PPN Fasa 1 dan 80% pada PPN Fasa 2.

Sub kontraktor atau syarikat yang berkenaan tidak perlu lagi mendapatkan kebenaran beroperasi melalui Sistem CIMS MITI. Kebenaran ini masih tertakluk kepada pematuhan SOP PPN, pematuhan sepenuhnya ke atas protokol kesihatan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta SOP Sektor Pembinaan dan SOP berkaitan yang dikeluarkan Kerajaan dari semasa ke semasa.

Sementara itu, kerja-kerja pengubahsuaian kediaman persendirian adalah dibenarkan di dalam Fasa 1 PPN, manakala kerja-kerja pengubahsuaian bangunan bukan kediaman pula adalah dibenarkan di dalam Fasa 2 PPN.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Syarikat yang terlibat boleh memohon kebenaran beroperasi melalui Sistem CIMS MITI di <https://notification.miti.gov.my> di bawah Kluster Pembinaan, Sektor Kerja-kerja Pengubahsuaian Rumah Kediaman Perseorangan/ Bangunan Komersial. Pemohon perlu memasukkan nombor rujukan projek dan nama penuh projek sepertimana yang telah diisytiharkan di Sistem CIMS CIDB di dalam ruangan "Produk/Aktiviti Perniagaan". Setelah permohonan dilengkapkan, pemohon perlu klik "simpan dan terus" dan kemudian, "hantar notifikasi".

Bagi Kontraktor G1 dan G2 yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mendapatkan kebenaran beroperasi daripada PBT yang melantik atau Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sebarang pertanyaan mengenai operasi sektor pembinaan di sepanjang tempoh PPN boleh diajukan kepada CIDB Careline di talian 03-5567 3300 (waktu operasi dari Isnin hingga Jumaat, 8.00 pagi hingga 5.30 petang).

KEMENTERIAN KERJA RAYA
7 OGOS 2021

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my